

**JABATAN PERKHIDMATAN PENGURUSAN
JABATAN PERDANA MENTERI NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM**

SYARAT-SYARAT TAWARAN:

RUJUKAN SEBUT HARGA: JPP/1/3/16/2/25-26

TAJUK SEBUT HARGA:

**"PEMBUATAN PIALA BAGI ANUGERAH INOVASI PERDANA SEMPENA
HARI PERKHIDMATAN AWAM KE-32, TAHUN 2025"**

**BAYARAN TAWARAN: BND \$5.00
(Tidak dikembalikan)**

1. Dibukakan kepada semua pembekal-pembekal dan syarikat-syarikat yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam dan Sistem ARIBA, TAFIS 2.0
2. Borang tawaran sebut harga hendaklah dimasukkan dalam sampul surat dan hendaklah ditutup rapi tanpa menunjukkan identiti atau logo syarikat. Pada sampul surat, hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran dan catatan tarikh tutup tawaran ini dengan jelas. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran dan di alamat seperti berikut:

**PENGERUSI
JAWATANKUASA SEBUT HARGA JABATAN PERKHIDMATAN PENGURUSAN,
BLOK C, TINGKAT 5, BANGUNAN
BAHIRAH, JALAN MENTERI BESAR,
BANDAR SERI BEGAWAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BB3910**

3. Setiap borang tawaran sebut harga hendaklah diisi dengan lengkap dan mana-mana pembetulan hendaklah ditandatangani bersama cop syarikat.
4. Tarikh tutup tawaran ialah pada **Hari Rabu, 23 Julai 2025, jam 2.00 petang**. Mana-mana tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.
5. Bagi syarikat yang berhasrat untuk mendapatkan dokumen sebut harga tersebut hendaklah mengisi Borang Penyertaan Penender pada pautan:



Selepas mengisi borang, **Penender akan menerima e-mel nombor rujukan** bagi urusan **pembayaran**.

6. Pembayaran tawaran sebut harga boleh dibuat secara dalam talian melalui **Portal OCBS atau Aplikasi BIBD**. Tatacara membuat pembayaran boleh diperolehi pada pautan:



7. **Dokumen-dokumen tawaran sebut harga** akan dihadapkan kepada syarikat / pembekal **melalui emel sahaja** dalam tempoh satu (1) hari waktu bekerja setelah selesai menghadapkan bukti resit pembayaran kepada emel: upk.msd@msd.gov.bn.
8. **Syarikat / Pembekal** yang ikut serta dalam tawaran sebut harga ini adalah **bertanggungjawab** bagi memastikan Sijil Pendaftaran Perniagaan **masih sah laku** sebelum membuat pembelian dokumen tawaran.
9. **Syarikat / Pembekal** hendaklah menyertakan **Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan, Salinan Resit Pembayaran dan dokumen-dokumen yang dinyatakan di dalam dokumen tawaran sebut harga**. Kegagalan Syarikat / Pembekal dalam menyediakan boleh menyebabkan tawaran yang dihadapkan tidak sah dan tidak akan dinilai.
10. Jika ada sebarang pertanyaan lanjut mengenai dengan spesifikai yang dikehendaki, pihak pembekal / syarikat berkenaan boleh menghubungi di talian 2382064 sambungan 156/183 dan melalui emel: aip@msd.gov.bn terlebih dahulu untuk menetapkan tarikh temujanji bersama fokal jabatan.
11. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya terikat untuk menerima sebut harga yang paling rendah atau lain-lain sebut harga.